

Pemecatan Anwar dalam kerajaan tidak sah – Karpal

Oleh NOR ZAINAH NORDIN

PUTRAJAYA 26 Feb. – Peguam Karpal Singh berhujah di Mahkamah Rayuan hari ini bahawa pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada semua jawatan dalam kerajaan pada 2 September 1998 adalah tidak sah kerana diputuskan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Mewakili Anwar dalam rayuannya terhadap pembatalan saman pemulanya atas pemecatan itu, Karpal berkata, sepatutnya perkara itu diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong setelah menerima nasihat Perdana Menteri.

“Sebaliknya dalam kes ini, melalui suratnya, Perdana Menteri memecat Anwar dari semua jawatan dalam kerajaan dan menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong telah dimaklumkan mengenai perkara itu,” katanya merujuk kepada surat pemecatan Anwar.

Panel tiga hakim diketuai Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Zulkefli Ahmad Makinudin yang bersidang bersama Hakim Datuk Md. Raus Shariff dan Hakim

Sepatutnya perkara itu diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong setelah menerima nasihat Perdana Menteri

Datuk Helilliah Mohd. Yusuff mendengar rayuan tersebut.

Anwar merayu untuk mengetepikan keputusan Hakim Datuk Mohd. Saari Yusoff yang membatalkan saman yang difailkannya terhadap Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia bagi mencabar kesahihan pemecatan jawatan kerajaan, awal September 1998.

Pada 23 Disember 1998, Hakim Saari membenarkan dengan kos permohonan Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia untuk mengetepikan saman yang dibuat oleh Anwar dan memutuskan pemecatan Anwar tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam saman yang difailkan pada 13 November 1998, Anwar memohon perisytiharan bahawa tindakan Perdana Menteri memecatnya daripada jawatan kabinet sebagai bertentangan dengan Perkara 43(5) Perlembagaan Persekutuan.

Menyambung hujahnya, Karpal berkata, surat pemecatan yang ditandatangani Dr. Mahathir dan rekod Dewan Rakyat (Hansard) menunjukkan pemecatan itu adalah keputusan bersendirian Dr. Mahathir tanpa mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong terlebih dahulu.

Katanya, pihaknya juga tidak menjangkakan rayuan itu akan mengambil masa sembilan tahun untuk didengar malah merasakan ia perlu diputuskan segera berikutan keadaan pada ketika itu.

Tambahnya, oleh itu, memandangkan keadaan semasa yang tidak memungkinkan Anwar kembali ke jawatannya, beliau wajar dibayar ganti rugi akibat pemecatan salah sekiranya rayuan beliau dibenarkan.

Peguam Kanan Persekutuan, Asmahbi Mohamad berhujah, pemecatan Anwar telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong seperti yang dinyatakan dalam affidavit bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan

UM-27/2/2007

KARPAL SINGH
Peguam

Sri Halim Ali dan Setiausaha Sulit Yang di-Pertuan Agong, Ja'apar Wahab.

Katanya, kedua-dua affidavit tersebut sudah mencukupi untuk menunjukkan bahawa Perdana Menteri bertindak sedemikian setelah memberi nasihat dan seterusnya mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Pada permulaan prosiding hari ini, Hakim Helilliah memaklumkan mengenai kedudukan beliau ketika peristiwa pemecatan itu iaitu sebagai Peguam Cara Negara tetapi menegaskan beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan atau mengenali Anwar secara peribadi.

Berikutan itu, katanya, beliau faham jika peguam perayu dan responden mahu beliau menarik diri daripada mendengar rayuan tersebut.

Bagaimanapun, Karpal dan Asmahbi memaklumkan mereka bersedia meneruskan kes di hadapan panel tiga hakim tersebut dan Hakim Helilliah tidak perlu menarik diri memandangkan ia berkisar kepada isu perundangan dan perlembagaan.

Mahkamah Rayuan menangguhkan keputusan rayuan pada satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.